

30 JUN 1998

Anwar-Daim

PELANTIKAN DAIM TINGKATKAN PERANAN MTEN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kabinet akan meningkatkan peranan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam usaha merangsangkan ekonomi Malaysia dan mengatasi masalah ekonomi, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata beliau dan Daim telah bekerjasama sejak Daim dilantik pengarah eksekutif MTEN apabila ia ditubuhkan pada Disember tahun lalu untuk menangani krisis ekonomi.

Ketika ditanya bahawa pelantikan Daim telah melemahkan kedudukannya, Anwar berkata: "Saya tidak perlu menjawab soalan negatif itu kerana kedudukan beliau dalam Kabinet akan meningkatkan peranan MTEN secara kolektif kerana ia dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), Saya sebagai timbalannya dan Daim sebagai anggota tetap.

"Saya berpendapat kita harus memandangkan perkara itu secara positif dalam konteks bekerjasama untuk merangsangkan ekonomi dan mengatasi beberapa masalah," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di kampus barunya di Gombak, dekat sini.

Jumaat lalu, Daim dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dan dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berhubung dengan perkara-perkara pembangunan ekonomi.

Daim menjadi Menteri Kewangan dari 1984 hingga 1991.

Anwar, yang membuat ulasan pertamanya mengenai pelantikan Daim itu, berkata beliau mendapati terlalu banyak tafsiran mengenai pelantikan itu.

" Itu tidak dapat kita elakkan, tetapi memang saya dimaklumkan oleh Perdana Menteri tentang pelantikan ini dan saya melihatnya secara positif kerana selama ini kita bekerja sebagai satu pasukan.

Katanya, Perdana Menteri, beliau dan Tun Daim dan beberapa pegawai atau ahli lain hampir setiap hari mengadakan pertemuan untuk mengkaji dan mengambil suatu muafakat tentang cara mengendali masalah ini secara bersama.

"Kita tidak boleh menghalang dari tafsiran oleh pihak mana sekalipun," katanya.

Anwar berkata soal pembahagian dan pertindihan tugas-tugas beliau dengan Daim dalam Kabinet tidak berbangkit sama sekali.

Sebelum itu, Anwar yang juga Presiden UIA berkata, mesyuarat majlis meneliti perkembangan universiti dan mengambil kira keterbatasan daripada sudut perbelanjaan.

"Sementara langkah-langkah penjimatan dijalankan, saya telah meminta supaya jangan menjejaskan pelajar-pelajar dari segi kemudahan asas, tetapi perbelanjaan lain boleh dijiat dan dikurangkan," katanya.

UIA juga sedang mengambil langkah supaya projek pembangunan kampus perubatan di Kuantan dipercepatkan dan menentukan beberapa pusat matrikulasi untuk universiti itu diadakan di satu pusat yang khusus sesuai dengan sifat antarabangsanya.

-- BERNAMA

AFY FAZ